



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 23 DISEMBER 2020

#### **STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini bilangan kes sembuh COVID-19 adalah sebanyak **710 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada COVID-19 adalah sebanyak **80,014 kes** (81.0 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

#### **STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA**

Pada hari ini, 23 Disember 2020, negara kita telah merekodkan kes harian baharu sebanyak **1,348 kes**. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **98,737 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 18,279 kes**. Daripada jumlah kes baharu berkenaan, terdapat 16 kes import yang mendapat jangkitan dari

luar negara manakala penularan COVID-19 dalam negara pula adalah sebanyak 1,332 kes.

Negeri Selangor kekal melaporkan kes harian baharu tertinggi untuk lapan (8) hari berturut-turut iaitu sebanyak **535 kes (39.7 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **363 kes (67.9 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontrak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak **226 kes (16.8 peratus)** dan Sabah sebanyak **189 kes (14.0 peratus)**.

Sebanyak **193 kes (14.3 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di lokap, penjara dan depot tahanan imigresen yang membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (123 kes), Kluster Tembok Gajah (56 kes), Kluster Kolam Air (8 kes), Kluster Tembok (5 kes), dan Kluster Hala Mutiara (1 kes)

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

Sehingga kini, terdapat **102 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **44 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Dukacita dimaklumkan terdapat pertambahan **lima (5) kes** kematian COVID-19 pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **444 kes (0.45 peratus daripada jumlah keseluruhan kes)**.

Ringkasan kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital/ Tempat Kematian	Latar Belakang
440	69732	Selangor	Perempuan (WN)	40	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi, asma dan obesiti
441	75697	Selangor	Perempuan (WN)	67	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, dislipidemia dan hypotiroid
442	95578	Sabah	Lelaki (WN)	49	Jenazah dibawa ke Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, strok dan jantung
443	97017	WP Kuala Lumpur	Lelak (WN)	71	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi dan jantung

444	97153	Negeri Sembilan	Lelak (WN)	68	Jenazah dibawa ke Hospital Tengku Ja'afar, Seremban	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
-----	-------	-----------------	------------	----	---	---

\*WN merujuk kepada warganegara.

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

### **MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER**

Sehingga 23 Disember 2020, terdapat sebanyak **464 kluster** telah dilaporkan termasuk **lima (5) kluster baharu** pada hari ini. Jumlah kluster yang telah tamat pula adalah sebanyak **256 kluster** termasuk **tiga (3) kluster yang tamat** pada hari ini iaitu Kluster Kiambang, Kluster Padang, dan Kluster Liawan. Ini menjadikan jumlah kluster aktif yang dipantau adalah sebanyak **208 kluster**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **43 kluster** melaporkan pertambahan kes pada hari ini. Kluster-kluster yang melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi adalah **Kluster Tapak Bina Muda (162 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (123 kes), dan Kluster Teratai (79 kes)**.

## **KLUSTER BAHARU**

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **lima (5) kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

### **1. KLUSTER TAPAK BINA JALAN PANAHAH**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Lembah Pantai, di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 7 Disember 2020 melalui saringan bersasar di sebuah tapak binaan. Sehingga 23 Disember 2020, sejumlah 1,000 individu telah disaring, di mana **21 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### **2. KLUSTER MENARA WANG**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Lembah Pantai, Cheras, Titiwangsa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, daerah Petaling, Klang, Sepang dan Hulu Langat di Selangor serta daerah Maran dan Kuantan di Pahang. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-88751) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 17 Disember 2020 melalui saringan individu bergejala. Sehingga 23 Disember 2020, sejumlah 293 individu telah

disaring, di mana **23 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### **3. KLUSTER SAGA TENGAH**

Kluster ini melibatkan daerah Tenom dan Keningau di Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-89355) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 18 Disember 2020 melalui saringan individu bergejala. Sehingga 23 Disember 2020, sejumlah 298 individu telah disaring, di mana **16 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### **4. KLUSTER KOLAM AIR**

Kluster ini melibatkan daerah Kota Setar dan Kubang Pasu di Kedah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-81862) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 12 Disember 2020 melalui saringan Orang Kena Tahan (OKT). Sehingga 23 Disember 2020, sejumlah 84 individu telah disaring, di mana **14 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### **5. KLUSTER HALA MUTIARA**

Kluster ini melibatkan daerah Kinta di Perak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-82131) telah dilaporkan positif COVID-19

pada 12 Disember 2020 melalui saringan Orang Kena Tahan (OKT). Sehingga 23 Disember 2020, sejumlah 51 individu telah disaring, di mana **tujuh (7) kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH  
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

23 Disember 2020 @ 6.30 petang.



**LAMPIRAN 1**

**BILANGAN KES COVID-19  
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 23 DISEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SABAH</b>	189	35,166
<b>SELANGOR</b>	535 (12)	27,218
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	226 (3)	11,045
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	31	7,191
<b>JOHOR</b>	118	3,706
<b>PULAU PINANG</b>	43	3,044
<b>PERAK</b>	8	2,913
<b>KEDAH</b>	14	2,910
<b>WP LABUAN</b>	2	1,574
<b>SARAWAK</b>	4 (1)	1,094
<b>PAHANG</b>	45	952
<b>MELAKA</b>	124	837
<b>KELANTAN</b>	4	508
<b>TERENGGANU</b>	1	289
<b>WP PUTRAJAYA</b>	4	245
<b>PERLIS</b>	0	45
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1,348 (16)</b>	<b>98,737</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import

**Perincian 1,348 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 23 Disember 2020 adalah seperti berikut:**

- **Selangor: 535 kes**

- 209 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 154 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- 12 kes import dari luar negara; dan
- 160 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 226 kes**

- 160 kes daripada kluster-kluster, termasuk 15 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Tapak Bina Jalan Panah** dan **Kluster Menara Wang**;
- 14 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Tiga (3) kes import dari luar negara; dan
- 49 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 189 kes**

- 19 kes daripada kluster-kluster, termasuk lima (5) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Saga Tengah**;

- 113 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 57 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Melaka : 124 kes**
  - 123 kes daripada kluster sedia ada; dan
  - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
  
- **Johor: 118 kes**
  - 80 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 24 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
  - 14 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Pahang: 45 kes**
  - 44 kes daripada kluster sedia ada; dan
  - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
  
- **Pulau Pinang: 43 kes**
  - 12 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - Sembilan (9) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 22 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 31 kes**
  - Enam (6) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 15 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 10 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Kedah:14 kes**
  - Sembilan (9) kes daripada kluster-kluster, termasuk lapan (8) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Kolam Air**;
  - Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Perak: Lapan (8) kes**
  - Tujuh (7) kes daripada kluster-kluster, termasuk satu (1) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Hala Mutiara**; dan
  - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
  
- **Sarawak: Empat (4) kes**
  - Satu (1) kes import dari luar negara; dan
  - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kelantan: Empat (4) kes**
  - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Empat (4) kes**
  - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Wilayah Persekutuan Labuan: Dua (2) kes** daripada kluster-kluster sedia ada.
  
- **Terengganu**: Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.